

Air empangan bukan punca

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 19 Jan. – Langkah dua empangan di Johor melepaskan air semalam bukan penyebab utama daerah Batu Pahat terus dinaiki air ketika banjir di kawasan lain di negeri itu mulai surut.

Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Che Moin Umar berkata, pelepasan air dilakukan secara terkawal dan berjadual berdasarkan paras air tertentu dalam empangan berkenaan atas tujuan keselamatan.

Sehubungan itu beliau berkata, pihaknya telah meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menjelaskan kepada orang ramai tentang langkah itu.

“Pelepasan air itu terpaksa di-

lakukan apabila air mulai mencecah paras bahaya yang boleh membuatkan empangan pecah dan musnah.

“Walaupun empangan mempunyai sistem pelepasan secara semulajadi melalui laluan limpah, pintu empangan terpaksa juga dibuka sedikit bila air mencecah paras bahaya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara di sini hari ini.

Che Moin mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut dua empangan di negeri itu melepaskan air secara automatik selepas ia mencecah paras bahaya hingga menyebabkan Batu Pahat

UM 20/1

Pelepasan air dilakukan secara terkawal dan berjadual berdasarkan paras air tertentu dalam empangan berkenaan atas tujuan keselamatan

terus dinaiki air.

Keadaan itu merisaukan orang ramai yang bimbang banjir di daerah itu akan terus berlaku.

Semalam, air di Empangan Sembrong, Batu Pahat dan Empangan Bekok di Segamat melepaskan paras bahaya, manakala Empangan Machap di Kluang dan Empangan Labong, Mersing menghampiri paras berjaga-jaga.

Empat empangan itu dikendalikan JPS, manakala empat lagi; Empangan Juaseh (Segamat), Chongkok (Mersing), Lebam (Kota Tinggi) dan Ledang (Muar) diuruskan Syarikat Air Johor

Holdings (SAJH) manakala Empangan Linggiu di Kota Tinggi diuruskan Public Utility Board (PUB) Singapura.

Menurut Che Moin, meskipun tindakan melepaskan air dari empangan itu memberi sedikit kesan kepada keadaan banjir di Batu Pahat, ia bukan penyumbang utama kerana limpahan air turut datang dari sungai-sungai lain di daerah tersebut.

Dalam pada itu, beliau berkata, BKN mengambil langkah bersiap sedia ekoran pergerakan awan ke Johor dan keadaan hujan sederhana di selatan Pahang dan selatan serta timur Johor yang diram-

CHE MOIN UMAR

Pengarah Direktorat
Pengurusan Krisis dan Bencana
Bahagian Keselamatan Negara

mal berterusan hingga esok.

“Pergerakan awan ke Johor itu membimbangkan kita,” katanya.

Mengenai usaha untuk mengempam air bagi mempercepatkan banjir surut di Batu Pahat, beliau menyatakan, setakat ini, pihaknya telah mengumpul 21 unit pam air dan akan mendapatkan lebih banyak pam air melalui penyumburan luar.

“Operasi mengempam air keluar akan kita mulakan apabila banjir mulai surut, sekarang langkah itu tidak sesuai dilakukan.

“Kalau kita pam sekarang pun, ia membazir sahaja kerana banjir masih belum surut,” katanya.